

05/08/1997

Semerak uji wibawa kedua-dua calon

Mohd Shah Abdullah

MENJELANG 11 Ogos ini, Barisan Nasional (BN) dan Pas yang dianggap pesaing utama dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak memperhebat kempen dengan pelbagai pendekatan dan strategi untuk menawan hati pengundi. Akim walaupun menampilkan calon, hanya dianggap sebagai 'kacau daun' dan kehadirannya tidak menggugat baik kepada BN atau Pas. Hakikatnya, hanya BN dan Pas bertarung di gelanggang .

Seperti kelaziman dalam semua pilihan raya, teknik propaganda digunakan secara meluas dan kadangkala halus untuk meraih sokongan pengundi. Propaganda sebagai teknik atau seni mempengaruhi pelakuan manusia menerusi kaedah manipulasi digunakan mengikut kesesuaian tempat dan kedudukan. Mengambil takrifan Harold D Lasswell, propaganda boleh berlaku dalam bentuk lisan, tulisan, gambar dan muzik. (Jackall, 1995, p13)

Pas yang kini menguasai Kelantan sejak 1990 nampaknya lebih ke depan dalam penggunaan kaedah propaganda ini sama ada melalui salah satu cara berkenaan atau gabungan antara cara berkenaan. Setakat ini cara paling berkesan ialah menerusi lisan (kempen ceramah bersemuka) menemui pengundi, manakala dalam bentuk tulisan disokong oleh lidah rasmi parti, akhbar Harakah. Pas juga mempunyai unit penerangannya sebagai jentera bagi mempengaruhi pengundi.

Sebaik bekas wakil rakyatnya, Allahyarham Sulaiman Ahmad, 63, meninggal dunia pada 6 Julai lalu akibat serangan angin ahmar, Pas dilaporkan sudah menyusun jentera dan pemimpinnya dengan cepat mengisytiharkan peluangnya di situ sebagai gred C dan mempunyai peluang 50-50 untuk menang. Taktik ini mengulangi propaganda kempen pilihan raya kecil Pulau Chondong sehingga parti itu akhirnya menang dengan majoriti kecil 118 undi.

Kita boleh menyenaraikan beberapa kaedah propaganda yang digunakan. Antara faktor itu termasuk:

\* Pemilihan calon. BN menamakan seorang ahli perniagaan dan Ketua Umno bahagian Pasir Puteh, Kamarudin Mohd Nor sebagai calon. Dari segi latar belakang akademik, Kamaruddin berkelulusan ijazah sarjana muda (ekonomi) dari Universiti Malaya. Beliau seangkatan dengan Anwar Ibrahim (Datuk Seri) ketika berada di dalam Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) sebagai Setiausaha Agung. Di peringkat antarabangsa, Kamarudin bergiat dalam Himpunan Belia Islam Sedunia (Wamy) dan Persekutuan Pelajar Islam Antarabangsa (Iffso) bagi Asia Pasifik. Beliau kenal rapat dengan tokoh pemimpin gerakan Islam, termasuk Allahyarham Dr Ismail al-Faruqi, Dr Taha Jabir dan Dr Syeikh Yusof al-Qardhawi, Allahyarham Bapak Mohamad Natsir dan Dr Totonji serta ramai lagi.

Menerusi pembabitannya itu, Kamarudin faham uslub dakwah dan manhaj hirarki, termasuk selok belok gerakan Islam di seluruh dunia. Ini kerana beliau bukan setakat memahami tasawur Islami tetapi faham percaturan gerakan Islam, sejarah jatuh bangun dan jaya gagalnya perjuangan Islam di merata tempat di seluruh dunia hari ini.

Meneliti latar belakang itu, Pas yang mendakwa sebagai gerakan Islam seharusnya tidak mempertikaikan kewibawaan Kamarudin. Keperibadiannya bersih, berperawakan sederhana tetapi mudah mesra, Pas sepatutnya menghormati Kamarudin dan harus melihatnya sebagai aset memperkukuh proses Islamisasi di negara ini. Pas tidak harus memperlekeh Kamarudin dengan alasan beliau bukan anak jati Semerak, banyak menghabiskan masa di Kuala Lumpur dan terbabit dalam perniagaan besar. Apakah perniagaan besar tidak

boleh digunakan secara berkesan untuk memperkukuh dan mengembangkan dakwah Islamiah? Semua orang tahu, Kamarudin jadi 'tauke' bukan dalam masa sehari semalam tetapi dibina hasil kerja kuat dan dedikasi beliau sendiri. Pas juga patut tahu beliau sudah lama bertapak di Pasir Puteh sebagai Ketua Bahagian dan berusaha memberi perkhidmatan terbaik untuk rakyat di situ, termasuk Semerak. Beliau balik ke kawasan hampir setiap minggu walaupun sibuk mengendalikan perniagaan di Kuala Lumpur.

Pas pun bukan 'maksud' kerana mereka memilih Mohamad Sabu bertanding di Parlimen Kubang Kerian dan Dr Daeng Sanusi Daeng Mariok di Parlimen Rantau Panjang. Mohamad Sabu, anak jati Pulau Pinang, tinggal di Shah Alam dan lebih banyak aktif berpolitik di Kuala Lumpur. Dr Daeng Sanusi pula, seorang anak kelahiran Johor, pernah bekerja sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi tetapi Pas memberi peluangnya bertanding di Rantau Panjang. Kedua-duanya sudah dua kali bertanding di peringkat Parlimen, di Kelantan.

\* Faktor hak milik tanah. Kenyataan ini pernah disebut oleh Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman. Dikatakan kira-kira 600 keluarga terbabit dalam soal pindah milik tanah ini tetapi belum diselesaikan. Pas mendakwa penduduk terbabit sudah tentu mengharap kerajaan negeri menyelesaikan isu pemilikan tanah kerana soal tanah adalah bidang kuasa kerajaan negeri.

Sekali imbas kenyataan ini memang memberi 'mileage' kepada Pas, tetapi jika diteliti, ia sebenarnya berbentuk ugutan secara halus. Kata seorang pemerhati politik di Semerak, taktik itu berbentuk 'black mail' kepada pengundi bagi meraih sokongan undi. Pengundi di Semerak bagaimanapun tidak mudah tertipu dengan dakwah itu kerana mereka patut sedar sejak sekian lama masalah itu berlarutan, mengapa sekarang kerajaan negeri baru hendak bertindak menyelesaikan masalah berkenaan? Apakah sebaik sahaja habis pilihan raya, masalah hak milik tanah itu boleh itu diselesaikan?

\* Masalah pembangunan. BN mengemukakan gagasan pembangunan bersepadu dalam usaha mengimbangi pembangunan fizikal dan kerohanian. Keperluan pembangunan yang dikemukakan oleh BN adalah untuk meningkatkan martabat ummah, khususnya orang Melayu daripada cengkaman kemiskinan. Orang Melayu tidak boleh selamanya tinggal dalam putaran kemiskinan tetapi turut sama meraih kekayaan kebendaan. Hanya orang yang kaya sahaja mampu mengeluarkan zakat dan infak dalam bentuk sedekah atau amal jariah, yang boleh digunakan untuk membangunkan Islam dan ummah. Itulah tujuan akhir BN.

Bagaimanapun Pas mempolitikkan isu pembangunan ini kononnya rakyat Kelantan tidak perlu bimbang dengan pembangunan. Rakyat Kelantan tidak perlu kepada pembangunan. Menurut Pengarah Operasi Pilihan Raya Kecil Pas di Semerak, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah, Pas tidak akan menentang pendekatan kempen BN yang membawa isu pembangunan menjelang pilihan raya kecil DUN Semerak kerana pelaksanaannya adalah tanggungjawab bersama.

Bagi Pas projek Pusat Pendaratan Ikan di Tok Bali dan Projek Kemasin-Semerak tidak akan memberi kesan politik yang boleh meningkatkan sokongan kepada BN. Lagipun Pas beranggapan pembangunan akan tetap diteruskan oleh Kerajaan Pusat di Kelantan dan kerajaan negeri tidak perlu keluar modal sesen pun. Seperti kata Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, mana ada negeri yang ada Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) seperti di Kelantan yang fungsinya untuk menyalurkan pembangunan. Rakyat Kelantan dapat dua keuntungan, satu daripada saluran pembangunan kerajaan negeri (minimum) dan JPP (maksimum). Namun secara makronya, politik pembangunan ala-BN bukan bertujuan melahirkan manusia rakus dan tamak. Malah kejayaan negara selama ini menerusi pembangunan ekonomi meletakkan negara sebagai 'a new economic power house' di rantau ini.

\* Tema membawa perubahan: Menerusi DUN Semerak ini, BN memperkenalkan slogan 'membawa perubahan' selaras dengan maksud al-Quran; Tuhan tidak

akan mengubah nasib sesuatu kaum itu kecuali kaum itu sendiri yang mengubah nasib mereka. Slogan itu amat ideal, manakala kupasannya memang boleh diperhalusi. Malangnya pemimpin Pas mempolitikkan tema itu kononnya ketika Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa menyebut perkara itu, beliau memetik ungkapan itu sebagai hadis Nabi dan bukan ayat al-Quran.

Pemimpin Pas hanya merujuk kenyataan akhbar Annuar dalam akhbar Berita Harian (yang secara tidak disengajakan) memetikinya sebagai hadis walaupun dalam ucapannya Annuar menyebut ayat al-Quran. Pas mendakwa pemimpin BN kononnya sebagai cuba meniru cara Pas (memetik ayat al-Quran) tetapi tidak kena caranya.

Sudah pasti perubahan yang ingin dibawa BN jelas untuk menumbangkan kerajaan Pas dan membawanya bersama dalam arus perdana pembangunan nasional. Hanya Kelantan berada di bawah pemerintahan pembangkang. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir pernah menyebut dalam pilihan raya umum 1995 lalu mengenai hasrat untuk menjadikan Kelantan negeri contoh.

Kesimpulannya, Pas memang mencabar kewibawaan BN dalam pilihan raya kecil DUN Semerak ini.

(END)